

Hujan lebat bukan punca tanah runtuh

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid menafikan bahawa hujan lebat menjadi punca tanah runtuh di Flat Kos Rendah, Seksyen 10 Wangsa Maju, semalam.

Sebaliknya, beliau tidak menolak kemungkinan kejadian itu disebabkan air dari saluran paip pecah berdasarkan bukti di tempat kejadian.

Katanya, mengikut bacaan hujan yang dicatatkan, kawasan tersebut hanya menerima purata taburan hujan sebanyak lapan milimeter (mm) sebelum kejadian berlaku.

"Tak mungkin (kejadian) disebabkan hujan. Berdasarkan pemerhatian, terdapat saluran paip yang pecah di kawasan tanah runtuh ini, tapi belum dapat dipastikan sama ada paip tersebut pecah sebelum atau selepas kejadian," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak kejadian tanah runtuh itu, hari ini.

Turut sama mengiringi beliau adalah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho.

Semalam, lebih 600 penghuni empat blok flat berkenaan terpaksa mengosongkan rumah mereka apabila cerun yang berdekatan runtuh selepas lima minit umat Islam berbuka puasa.

Menurut Azmi, satu mesyuarat diadakan membabitkan kementerianannya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pemaju perumahan dan Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) bagi membincangkan punca sebenar kejadian.

Ditanya sama ada kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Duta-Hulu Kelang (Duke) yang berhampiran dengan kediaman tersebut menjadi punca berlakunya kejadian itu, beliau berkata, perkara tersebut masih dalam siasatan oleh Ikram dan keputusannya akan mengambil masa lebih kurang sebulan.

Sebab tanah runtuh diketahui sebulan lagi

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique berkata, kajian mengenai punca kejadian tanah runtuh di Flat Kos Rendah Seksyen 10, Wangsa Maju, di sini akan diketahui dalam tempoh sebulan.

Beliau berkata, kajian itu dilakukan oleh sekumpulan tenaga pakar daripada Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) dan mereka akan menentukan sama ada flat itu selamat diduduki atau sebaliknya.

Katanya, buat masa ini pihaknya sukar untuk menentukan punca sebenar kejadian itu kerana ia memerlukan satu kajian lebih terperinci daripada pihak Ikram yang mempunyai kepakaran teknikal di dalam bidang tersebut.

"Selain kajian, kami di dalam mesyuarat khas pagi ini juga telah mengambil beberapa keputusan dalam usaha menyelesaikan masalah tanah runtuh tersebut.

"Kami telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak untuk menentukan tindakan yang perlu ambil selepas ini," katanya dalam sidang akhbar ketika melawat tempat kejadian di sini hari ini.